



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

#### **KETUA TUKANG PELAN (C.3-4 EB.5) JABATAN-JABATAN KERJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**KETUA TUKANG PELAN  
JABATAN-JABATAN KERAJAAN  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Architecture / Struktur Pembinaan* atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**DI JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**

1. Membantu Arkitek bagi menyediakan lukisan tawaran bagi projek Skim Perumahan Negara termasuk projek-projek *departmental*;
2. Menghadiri mesyuarat dan membuat pemeriksaan ke tapak bina;
3. Memberikan arahan serta memantau tugas-tugas kakitangan bawahan;
4. Menyediakan draf lukisan kerja dan '*detail*' serta spesifikasi dan juga dokumen-dokumen tawaran / kontrak / pembinaan.
5. Mengawas dan memeriksa di tapak-tapak pembinaan akan kerja-kerja kawalan peraturan pembinaan rumah baru dan tambahan / ubahsuai rumah; dan
6. Menerima arahan Ketua Bahagian dari semasa ke semasa.